

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**  
**[ TASEK GELUGOR ]**  
**TARIKH** : **8 APRIL 2014 (SELASA)**  
**SOALAN** : **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya** meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah tanah jerlus di sawah padi di daerah Seberang Perai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi mengatasi masalah tanah jerlus di daerah Seberang Perai ini, satu Jawatankuasa Penyelarasan Tanah Jerlus telah ditubuhkan di mana peranan jawatankuasa tersebut adalah untuk mengenalpasti kawasan yang mengalami tanah jerlus di semua daerah, mengambil langkah dan tindakan penambahbaikan bagi penyelesaian masalah tanah jerlus ini serta memohon peruntukan pembangunan infrastruktur bagi tujuan memulihkan kawasan yang mengalami tanah jerlus.

Sehingga kini, langkah-langkah yang telah diambil adalah dengan melakukan pemuliharaan tanah di kawasan tersebut. Antara aktiviti yang dilakukan bagi pemuliharaan tanah sawah ini ialah dengan membuat kerja-kerja merata tanah sawah dengan cara memindahkan tanah dari kawasan yang tinggi ke kawasan yang rendah di dalam lot berkenaan, dan juga membina parit tepi (jejari) dan juga parit tengah di petak sawah ke parit buang. Sementara itu, bagi kawasan-kawasan yang serius serta tidak dapat diatasi dengan pemuliharaan tanah, Kerajaan telah menyarankan agar kawasan tersebut ditangguhkan penanaman padi selama satu musim bagi membolehkan kerja-kerja membentuk *hardpan* dapat dilakukan. Ia perlu dilakukan agar kawasan tersebut dapat bertahan dengan lebih lama dan aktiviti pengeluaran padi dapat berjalan seperti biasa.